

18/08/2002

Indonesia mahu ketetapan bersama gaji, syarat pengambilan pekerja

KUALA LUMPUR: Indonesia mahu Malaysia membuat ketetapan bersama berhubung gaji dan syarat pengambilan pekerja dari republik itu bagi mengawal selia dan membendung kemasukan tanpa izin rakyatnya ke negara ini.

Cadangan itu terkandung dalam dua deraf memorandum persefahaman yang dikemukakan kepada kerajaan Malaysia seminggu sebelum lawatan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke Indonesia minggu lalu.

Memorandum pertama membabitkan pengambilan pekerja Indonesia bagi sektor perkilangan dan pembinaan manakala memorandum kedua bagi pembantu rumah.

Duta Besar Indonesia di sini, Hadi A Wayarabi Alhadar, berkata pihaknya kini menunggu cadangan balas kerajaan Malaysia berhubung pengwujudan mekanisme di antara kerajaan itu yang dipersetujui oleh Suruhanjaya Bersama Malaysia-Indonesia pada mesyuarat Februari lalu.

"Kalau sudah ada persetujuannya, kita akan menandatangani bersama," katanya pada sidang akhbar selepas majlis sambutan hari kemerdekaan republik itu yang ke-57 di Wisma Duta di sini, semalam.

Beliau diminta mengulas langkah yang diambil kerajaan Indonesia bagi menangani kemasukan rakyatnya secara haram di sini berikutan tindakan tegas Malaysia menguatkuasakan undang-undang imigresen lebih ketat dan berakhirnya program pengampunan pendatang asing bulan lalu.

Kedua-dua memorandum itu sepatutnya dimeterai ketika lawatan Dr Mahathir ke Indonesia serta perbincangan dengan Presiden Megawati Sukarnoputri minggu lalu.

Ditanya apakah Indonesia turut mencadangkan penetapan gaji minimum, Hadi berkata perkara itu lebih wajar dijawab pihak Malaysia.

"Saya belum bisa menjawab, biarlah Malaysia yang menjawab...saya tidak tahu gaji minum di sini berapa," katanya sambil menambah lebih banyak perbincangan akan diadakan sehingga deraf akhir dipersetujui kedua belah pihak.

Mengenai penghantaran pulang rakyat Indonesia dari sini, Hadi berkata sehingga Khamis lalu proses itu sudah membabitkan seramai 317,949 warga negaranya, termasuk yang dihantar pulang oleh pihak imigresen Malaysia.

"Kami berterima kasih kepada kerajaan Malaysia yang selama ini memberi kerja sama baik," katanya sambil mengalu-alukan keputusan membenarkan pekerja Indonesia bekerja dalam sektor pembinaan.

Mengenai dakwaan rakyat Indonesia dijatuhi hukuman terlalu berat oleh mahkamah Malaysia berikutan penguatkuasaan Akta Imigresen (Pindaan 2002) mulai 1 Ogos lalu, Hadi berkata mereka perlu menghormati perundangan Malaysia.